

NO. SOALAN : 29

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 8 APRIL 2015 [RABU]

SOALAN :

Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah pendirian Kementerian tentang penebangan hutan yang berleluasa dan bolehkah Kementerian menyenaraikan isu-isu dan tindakan segera dan jangka panjang tentang kejadian-kejadian di Cameron Highlands, Lojing, Gua Musang dan juga apakah kesan pada Taman Negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Perkara berkaitan tanah dan hutan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri selaras dengan Perkara 74, Jadual Kesembilan, Senarai Kedua, Perlembagaan Persekutuan.

Kebanyakan pembukaan tanah di sekitar Cameron Highlands, Lojing dan Gua Musang bagi tujuan pertanian adalah di dalam tanah Kerajaan Negeri. Hanya sejumlah kecil sahaja tanah Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang diteroka secara haram.

Berikut adalah langkah jangka pendek yang diambil oleh Kementerian dalam menangani isu ini:

- i. Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Perhutanan Negara 1984;
- ii. Memperkenalkan *1NRE Enforcement Team* iaitu aktiviti penguatkuasaan secara bersepadu oleh agensi-agensi penguatkuasaan di bawah Kementerian ini dan agensi-agensi penguatkuasaan lain;
- iii. Menubuhkan pasukan penguatkuasaan hutan di peringkat daerah dan negeri serta '*flying squad*' di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia;

- iv. Mengadakan rondaan di *hotspot* termasuk menggunakan helikopter;
- v. Menjalankan sekatan jalan raya dari semasa ke semasa bagi mengawal pergerakan kayu balak;
- vi. Menggunakan teknologi Penderiaan Jauh (*remote sensing*) dan Sistem Maklumat Geografi (GIS) untuk mengesan dan memantau aktiviti pencerobohan hutan;
- vii. Menggalakkan badan-badan bukan Kerajaan (NGO) dan masyarakat awam untuk turut terlibat sebagai mata dan telinga, contohnya membuat aduan mengenai kegiatan pencerobohan hutan yang disyaki sedang atau telah berlaku; dan
- viii. Pelaksanaan, pematuhan dan penguatkuasaan langkah mitigasi EIA.

Antara langka panjang yang diambil oleh Kementerian dalam menangani isu ini adalah seperti berikut:

- i. Memperkemaskan dan meminda Akta Perhutanan Negara 1984 dengan meningkatkan kadar hukuman dan penalti;
- ii. Program penghijauan secara besar-besaran dengan menggalakkan orang-perseorangan, agensi Kerajaan, pihak swasta dan Badan Bukan Kerajaan melibatkan diri dalam aktiviti penanaman pokok di

kawasan yang sensitif kepada alam sekitar seperti kawasan tanah tinggi dan persisiran sungai;

- iii. Pengukuhan perancangan dan pengurusan aktiviti pembangunan; dan
- iv. Pelaksanaan, pematuhan dan penguatkuasaan langkah mitigasi EIA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, isu pembukaan tanah yang berlaku di Lojing dan Gua Musang didapati tidak memberi kesan secara langsung kepada Taman Negara kerana lokasinya yang sangat jauh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHUAN TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]**

TARIKH : 8 APRIL 2015 (RABU)

SOALAN : 30

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah sebab kotak hitam MH17 dihantar kepada United Kingdom untuk kandungannya diteroka. Kotak hitam QZ8501 telah diteroka di Indonesia. Adakah ini bermaksud Malaysia tidak mempunyai kepakaran berbanding Indonesia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi kes MH17, Malaysia telah menerima kotak hitam dari pihak pemisah Ukraine. Berdasarkan siasatan di bawah International Civil Aviation Organization (ICAO) Annex 13 dan dengan persetujuan oleh kerajaan Malaysia, kotak hitam boleh diserahkan kepada Ketua Penyiasat Annex 13 iaitu pihak *Dutch Safety Board* untuk tindakan analisis data. Bagi kemalangan yang melibatkan MH17, pasukan siasatan kes ini diketuai oleh negara Belanda dan dianggotai oleh Malaysia, Ukraine, Rusia, Amerika Syarikat, Australia dan United Kingdom sebagai Accredited Representative (AR). Dua (2) negara lain iaitu Belgium dan Germany dilantik sebagai negara pemerhati kerana ada rakyatnya terkorban.

Walau bagaimanapun, *Dutch Safety Board* telah membuat keputusan untuk mengguna khidmat pihak Air Accident Investigation Bureau (AAIB), United Kingdom untuk memuat turun data-data kotak hitam di fasilitinya di Farnborough di bawah pengawasan semua **AR** termasuk **Malaysia**. *Dutch Safety Board* telah memutuskan untuk menggunakan khidmat pihak ketiga untuk menganalisis data dalam kotak hitam.

Bagi kes QZ 8501, Negara Indonesia adalah merupakan *State of Registry* dan juga *State of Occurrence*. Oleh itu, mereka merupakan Ketua Penyiasat dan boleh membuat pilihan untuk menganalisis data dari kotak hitam.